



INTERNATIONAL JOURNAL OF
SUPPLY CHAIN, OPERATION
MANAGEMENT AND LOGISTICS
(IJSCOL)
www.ijscol.com



**PROSEDUR STANDARD PEMANTAUAN PERNIAGAAN
MAKANAN SECARA DALAM TALIAN SEMASA PANDEMIK
COVID-19**

*STANDARD MONITORING PROCEDURES FOR ONLINE FOOD BUSINESS
DURING THE COVID-19 PANDEMIC*

Khairiah Mohd Yassin^{1*}, Syed Sultan Bee Packer Mohamed²

¹ School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: mykhairiah@uum.edu.my

² School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: ss.bee@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.05.2022

Revised date: 04.07.2022

Accepted date: 01.08.2022

Published date: 07.06.2022

To cite this document:

Yassin, M. K., & Mohamed, S. S. B. P. (2022). Prosedur Standard Pemantauan Perniagaan Makanan Secara Dalam Talian Semasa Pandemi Covid-19. *International Journal of Supply Chain, Operation Management and Logistics*, 3 (7), 01-12.

DOI: 10.35631/IJSCOL.37001

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Bersih, selamat dan berkualiti merupakan asas keselamatan makanan yang perlu diberi penekanan serius oleh semua pihak sama ada di peringkat pengusaha, pengendali, penganjur, penghantar mahupun pembeli makanan. Setiap pihak terlibat merupakan entiti utama dalam rantai makanan bertujuan memastikan keselamatan makanan di Malaysia dapat diperkasakan dari masa ke masa. Namun persoalannya ialah siapakah pihak bertanggungjawab dalam memantau keselamatan makanan terutamanya melibatkan penjualan produk makanan secara dalam talian khususnya di Kedah. Ini kerana semasa era pandemik Covid-19 menyaksikan pelbagai jenis produk makanan dijual secara digital seumpama cendawan tumbuh selepas hujan. Justeru, dalam menelusuri isu tersebut kajian ini mengemukakan dua objektif berikut. Pertama, meneliti konsep serta prosedur pemantauan, dan keduanya ialah menganalisis prosedur pemantauan perniagaan makanan secara dalam talian oleh pihak penguat kuasa bertanggungjawab. Metode kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan mengimplemenkan kajian kepustakaan dan temu bual separa terbuka dalam proses pengumpulan data dan fakta kajian. Kaedah analisis data pula berasaskan analisis tekstual dan dokumen terhadap data yang diperolehi daripada dokumen kepustakaan dan prosedur temu bual yang dilaksanakan. Dapatan awal kajian memperolehi prosedur pemantauan terhadap penjualan dan perniagaan makanan secara dalam talian sepanjang pandemik Covid-19 dilaksanakan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang diwartakan pada April 2020. Implikasi kajian ini diperhalusi dapat mengetengahkan peranan sebenar penguat kuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia amnya dan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

khasnya kepada khalayak umum yang melibatkan prosedur pemantauan keselamatan rantai makanan di peringkat persekutuan mahupun negeri semasa era pandemik Covid-19.

Kata Kunci:

Prosedur Pemantauan, *Remote Audit*, Perniagaan Makanan Dalam Talian, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Abstract:

Clean, safe, and quality are the basis of food safety that must be prioritised by everyone, whether they are entrepreneurs, operators, promoters, food senders, or consumers. Each party involved is a key entity in the food chain aimed at ensuring food security in Malaysia can be strengthened over time. However, the question remains, who is responsible for monitoring food safety, especially involving the sale of online food products, specifically in Kedah. The Covid-19 pandemic has resulted in a surge of various food products sold online. Thus, this study presents the following two objectives in tracing the issue. First, to examine the concept and procedures of monitoring, and second, to analyse the monitoring procedures of the online food business by the responsible enforcement authorities. This research uses a qualitative method by implementing a literature review and semi-structured interviews for data collection and research facts. The data analysis method is based on textual and document analysis of data obtained from library documents and conducted interviews. The study's preliminary findings obtained monitoring procedures on online food sales and business during the Covid-19 pandemic implemented by the Food Safety and Quality Division, Ministry of Health Malaysia, gazetted in April 2020. The implications of this study are refined to highlight to the public the real role of enforcement authorities, such as the Ministry of Health Malaysia in general and the Kedah State Health Department in particular, which involves the monitoring of food chain safety procedures at the federal and state levels during Covid-19 pandemic era.

Keywords:

Monitoring Procedures, Remote Audit, Online Food Business, Ministry of Health Malaysia, Kedah State Health Department

Pengenalan

Pandemik Covid-19 yang sedang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia telah menyebabkan berlakunya perubahan mendadak dalam kehidupan masyarakat. Keadaan ini turut menyaksikan pergerakan dan pergaulan secara bersemuka semakin terhad dan terkawal disebabkan pelbagai faktor. Misalnya pelbagai dasar, pelan dan penguatkuasaan diperkenalkan dalam usaha membendung penularan Covid-19 dalam kalangan komuniti.

Salah satu pelan yang diperkenalkan kerajaan Malaysia sejak Mac 2020 ialah penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan dan ditambah baik mengikut keadaan semasa. PKP secara berfasa terus diketengahkan oleh pihak kerajaan dan sehingga kini September 2021 negara berada dalam Pelan Pemulihan Negara dan PKP tetap diteruskan di setiap negeri di Malaysia.

Dasar dan pelan negara tersebut telah memberi kesan kepada perkembangan ekonomi dan sosial masyarakat Malaysia. Di satu sisi kesan daripada pandemik dan penguatkuasaan PKP

(sejak 2020) lagi telah mewujudkan pelbagai jenis atau bentuk penjualan secara dalam talian termasuk sektor makanan. Buktinya ramai pihak mula berniaga produk makanan sama ada di premis makanan – restoran, kedai makan, ataupun kafe, termasuk di rumah (*home-based*) dengan menawarkan pelbagai jenis makanan yang dijual secara dalam talian. Namun di satu sisi lain pula kemunculan perniagaan makanan tersebut telah menyebabkan isu seperti keselamatan, kebersihan ataupun kualiti makanan terus dipertikaikan dan dipersoalkan oleh pelbagai pihak termasuk dalam kalangan para pelanggan atau pembeli produk makanan secara dalam talian. Persoalan seperti adakah makanan yang dijual itu bersih, adakah sesuatu makanan itu selamat untuk dimakan, apakah bahan yang digunakan dalam membuat sesuatu makanan itu, siapakah pihak yang memantau proses pengendalian makanan dalam kalangan pengusaha makanan, dan banyak lagi persoalan berkaitan.

Objektif Kajian

Justeru itu, bertitik tolak daripada persoalan di atas, kajian ini diketengahkan dalam usaha memenuhi objektif kajian berikut. Pertama, meneliti konsep pemantauan dan prosedur pemantauan. Keduanya ialah menganalisis prosedur pemantauan perniagaan makanan secara dalam talian oleh pihak penguat kuasa termaklum (merujuk kepada Jabatan Kesihatan Negeri Kedah). Signifikan penelitian terhadap prosedur pemantauan tersebut bertujuan untuk memahami peranan sebenar bahagian termaklum dalam memantau sebarang bentuk aktiviti melibatkan penjualan atau perniagaan makanan secara atas talian – yang kini menjadi tumpuan masyarakat Malaysia sama ada untuk menambah pendapatan keluarga (dengan berniaga makanan secara digital) ataupun menjadi pembeli pelbagai produk makanan yang ditawarkan dengan lebih banyak dan meluas secara digital.

Metode Kajian

Artikel ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dalam usaha meneliti dokumen berkaitan prosedur pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Kedah terhadap sebarang bentuk perniagaan makanan yang dilaksanakan secara atas talian. Oleh itu, kaedah pengumpulan data yang diimplemenkan ialah berasaskan dua pendekatan utama. Pertama ialah kajian kepustakaan iaitu dengan meneliti bahan berbentuk dokumen seperti garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia, kertas laporan, serta dokumen berkenaan akta perundangan makanan. Selain itu, buku berkaitan makanan dan pemantauan makanan turut dirujuk, selain bahan daripada artikel jurnal, kertas kerja persidangan, surat khabar dan dokumen lain berkaitan.

Selain bahan berbentuk dokumentasi, data turut diperolehi daripada proses temubual iaitu dengan melibatkan kakitangan di Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah. Data temu bual tersebut bertujuan meneliti kaedah dan pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak mereka sebelum, semasa dan selepas prosedur pemantauan. Ia penting bagi meneliti antara tatacara pemantauan yang diaplikasikan khususnya dalam meneliti kepatuhan atau ketidakpatuhan dalam kalangan para peniaga makanan secara dalam talian.

Selanjutnya ialah kaedah analisis data. Data kajian yang diperolehi daripada dokumen kepustakaan dan temu bual tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tekstual. Analisis tekstual dilakukan ialah berbentuk deskriptif yang bertujuan menganalisis sebarang bentuk prosedur yang dilaksanakan semasa proses pemantauan perniagaan makanan secara dalam talian oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Kedah.

Sorotan Literatur

Berdasarkan pembacaan dan penelitian terhadap kajian lepas berkaitan prosedur operasi standard pemantauan dan perniagaan makanan secara dalam talian jelas masih belum giat diusahakan oleh pengkaji ketika ini. Namun terdapat beberapa kajian berkaitan seperti mana huraian rinci berikut.

Kajian Lepas Tentang Prosedur Operasi Standard Pemantauan

Antara kajian lepas berkaitan misalnya diusahakan oleh Mohd Zaid *et al.* (2017) yang mengupas berkenaan prosedur pemantauan terhadap produk makanan halal. Beliau menegaskan bahawa prosedur dari sudut pemantauan termasuk penguatkuasaan halal khususnya terhadap produk makanan (termasuk makanan import) adalah bergantung kepada pengesahan pensijilan halal yang diperolehi. Pensijilan tersebut hanya melibatkan organisasi yang memohonnya daripada pihak Jakim.

Selain makanan, didapati bahawa terdapat beberapa kajian yang meneliti prosedur pemantauan dari aspek berbeza. Misalnya, Chafid *et al.* (2017) mengupas mengenai audit lingkungan merangkumi alam sekitar seperti pengurusan air dan udara. Jordan *et al.* (2020) pula mengupas prosedur pemantauan serta penilaian terhadap setiap kegiatan pemeliharaan alam persekitaran. Prosedur pemantauan tersebut berfokus kepada salah sebuah universiti di Indonesia. Prosedur tersebut diteliti bertujuan untuk meminimumkan pemborosan, mengurangkan sebarang bentuk birokrasi yang tidak efisien, seterusnya memastikan persekitaran universiti berkenaan terus terpelihara dengan sebaiknya.

Kajian Lepas Tentang Prosedur Pemantauan Perniagaan Makanan Secara Dalam Talian

Selanjutnya, apabila meneliti kajian tentang prosedur pemantauan perniagaan makanan secara dalam talian jelas tidak banyak kajian lepas yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kajian berkaitan secara tidak langsung dengan kajian ini. Misalnya, kajian Siti Haniah (2015) yang mengkaji garis panduan serta etika e-dagang terhadap produk yang bersifat fizikal dari perspektif Syariah. Kajian Siti mendapati bahawa garis panduan berasaskan prinsip dan syariat Islam penting diterapkan dalam proses e-dagang atau perniagaan secara dalam talian kerana terdapat pelbagai kes salah laku yang membabitkan para peniaga sama ada Islam atau bukan Islam seperti maklumat perniagaan yang tidak lengkap, tiada pernyataan syarat dan terma perniagaan yang jelas, kaedah pembayaran yang tidak menggunakan institusi kewangan Islam, selain melakukan promosi yang bertentangan dengan hukum syarak.

Menurut Suzanna & Mohd Zainudin (2016), konsep e-dagang begitu menitikberatkan etika dalam kalangan para peniaga agar perniagaan yang dijalankan lebih dipercayai oleh para pembeli atau pengguna. Penetapan prinsip etika Islam dalam perniagaan perlu dipraktikkan oleh golongan peniaga atau usahawan dalam pelbagai bidang termasuk industri makanan halal (Rossidi *et al.* 2017) agar produk yang dijual bertahan lama dan sentiasa mendapat kepercayaan dalam kalangan para pembeli khususnya secara dalam talian.

Secara rangkumannya, kajian lepas di atas lebih banyak mengupas berkenaan prosedur pemantauan dari sudut produk makanan untuk tujuan pensijilan halal, mahupun pemeliharaan terhadap alam sekitar. Dari sudut perniagaan makanan secara dalam talian pula kebanyakan kajian lepas bertumpu kepada etika penjualan produk serta konsep e-dagang. Namun, kajian tentang prosedur pemantauan terhadap perniagaan makanan secara dalam talian oleh pihak berkuasa tempatan seperti KKM ataupun Jabatan Kesihatan Negeri Kedah masih belum giat diusahakan.

Justeru, kajian berkenaan penelitian terhadap prosedur operasi standard pemantauan perniagaan makanan secara dalam talian di seluruh Kedah semasa dan selepas PKP khususnya ketika negara masih berada dalam tempoh pandemik Covid-19 adalah signifikan untuk diketengahkan. Ia bertujuan untuk memantapkan proses penyediaan dan penjualan makanan yang bersih serta selamat. Seterusnya, makanan yang dijual secara dalam talian tersebut diyakini selamat, bersih, serta menepati konsep *halalan tayyiban* seperti mana yang ditetapkan oleh syariat Islam, selain mengelakkan pelbagai isu yang tidak diinginkan seperti keracunan makanan ataupun penyakit berjangkit akibat daripada penyediaan makanan yang tidak bersih.

Analisis Dan Perbincangan Kajian

Pada bahagian ini, penulisan bertumpu kepada konsep pemantauan dan prosedur pemantauan terhadap perniagaan makanan secara dalam talian. Penelitian terhadap dua asas – konsep dan prosedur bertujuan meneliti gerak kerja terlibat dalam aktiviti memantau perniagaan makanan tersebut khususnya di Kedah. Namun wujud persoalan seumpama apakah yang dimaksudkan sebagai pemantauan dan prosedur pemantauan? Siapakah pihak yang memantau aktiviti perniagaan yang dibuat secara dalam talian? Dan apakah prosedur utama dalam proses pemantauan tersebut?

Dalam usaha merungkai setiap persoalan tersebut, kertas kerja ini ingin mengemukakan terlebih dahulu konsep pemantauan dan prosedur pemantauan terhadap aktiviti perniagaan makanan secara dalam talian ketika era pandemik Covid-19 di Malaysia. Ini kerana perniagaan makanan secara dalam talian ketika ini semakin melimpah dan wujud seumpama cendawan tumbuh selepas hujan.

Pertama: Konsep Dan Tatacara Prosedur Pemantauan

Secara etimologinya, pemantauan bermaksud suatu perbuatan atau tindakan memantau sesuatu (Kamus Dewan 2010) – meliputi kerja, proses, projek serta prosedur. Memantau merujuk kepada suatu tindakan melihat, mengawasi dan mengatur usaha atau tindakan supaya sesuatu seperti kegiatan, tugas, prosedur berjalan dengan baik dan lancar. Pada Faiz *et al.* (2018) dan Chafid *et al.* (2017) memantau juga melibatkan suatu tindakan memerhatikan dan memeriksa perkembangan dari sudut kemajuan ataupun perjalanan sesuatu perkara, fenomena secara kerap dan teliti – pada kebiasaannya bertujuan untuk mengawal, mencegah, memperbaiki, mengawasi (sesuatu perkara melibatkan pekerjaan, tatacara dan prosedur).

Selanjutnya, pemantauan dikategorikan sebagai satu alat pengurusan yang bertujuan mengawal sebarang aktiviti (Muhammad Fahmi & Muhammad Ridho 2019) seperti pekerjaan (termasuk perniagaan), selain bertujuan meningkatkan tahap prestasi pekerja ataupun organisasi. Ia turut merujuk kepada suatu proses pemeriksaan aktiviti (ataupun gerak kerja) yang dijalankan dalam sesuatu projek. Tujuannya ialah untuk menentukan sama ada aktiviti (yang dipantau) mampu mencapai keputusan seperti mana dirancang ataupun tidak.

Berdasarkan makna pemantauan tersebut jelas ia mengandungi beberapa elemen utama. Pertama ialah melibatkan suatu proses bersifat rutin. Rutin ialah perkara yang dilakukan secara berulang kali, kerap, dan melibatkan prosedur yang sama. Menurut Jordan *et al.* (2020) dan Page (2010) antara perkara utama yang diteliti (secara rutin) ialah aktiviti atau projek yang dilaksanakan, kemajuan dan perkembangannya, dan permasalahan ataupun penyimpangan yang berlaku semasa sesuatu projek sedang berjalan. Penelitian tersebut begitu penting bagi

memastikan tujuan utama prosedur pemantauan dapat direalisasikan dan dalam masa sama aktiviti yang sedang dilaksanakan menghasilkan output ditetapkan.

Elemen kedua ialah suatu bentuk pemerhatian dan pemeriksaan. Pemerhatian merangkumi perbuatan memerhati serta merekodkan secara tetap setiap aktiviti yang dilaksanakan dalam sesuatu projek. Tujuan pemerhatian tersebut bagi memastikan setiap aktiviti dilaksanakan selaras dengan objektif utama sesebuah organisasi termasuk dalam konteks perniagaan dan perusahaan. Dalam konteks pemeriksaan seperti mana ditegaskan Fatimah (2015) dan Mercy (2005) ialah meliputi suatu tindakan mengumpul, meninjau (secara berulang kali), melaporkan serta memberi respons (dari sudut tindakan) terhadap sebarang bentuk maklumat berdasarkan proses yang sedang diimplementasikan. Tindakan pemeriksaan dalam prosedur pemantauan antara kerja dan sasaran sememangnya sudah ditetapkan oleh sesebuah organisasi terlibat.

Elemen ketiga ialah tujuan pemantauan yang secara asasnya ialah meningkatkan kecekapan dan prestasi. Kecekapan ialah kemahiran bekerja dalam kalangan pekerja sesebuah organisasi semakin baik dan cekap dari masa ke masa kerana dipantau oleh pihak bertanggungjawab daripada jabatan atau unit kualiti di organisasinya. Daripada kecekapan bekerja tersebut akan memberi kesan kepada prestasinya sama ada secara bulanan ataupun tahunan. Kecekapan dan prestasi para pekerja pada Gasperz (2012) dan Corder (1992) dapat dibina melalui proses pemantauan kerana membantu menganalisis setiap aspek dalam sesebuah projek (terutamanya yang sedang dilaksanakan), selain mengukur kecekapan dan mengetengahkan input bersesuaian dalam usaha menambahbaik gerak kerja berkaitan.

Berdasarkan elemen di atas, jelas bahawa pemantauan merupakan suatu gerak kerja bertujuan untuk memantau, memeriksa dan mengawal proses kerja sesebuah pekerjaan termasuk perniagaan. Gerak kerja tersebut dilakukan oleh organisasi terpilih khususnya melibatkan mereka yang berkepakaran dalam bidang pengauditan kerana melibatkan prosedur yang kompleks serta pendokumentasian.

Selanjutnya, kajian ini mendapati bahawa prosedur pemantauan (secara umumnya) melibatkan beberapa tatacara. Tatacara tersebut melibatkan beberapa langkah utama yang dapat ditelusuri sebagaimana huraian rinci berikut.

Pertama, penyediaan jadual pemantauan. Jadual melibatkan aktiviti pemantauan perlu disediakan terlebih dahulu bagi memastikan setiap kakitangan yang terlibat dengan tugas berkenaan bersedia dengan sebaiknya. Jadual yang disediakan perlu mengambil kira semua komponen, jenis ataupun bentuk yang akan dipantau.

Kedua, pelaksanaan pemantauan. Pada fasa ini, ketua yang dilantik mengetuai proses pemantauan tersebut perlu memastikan para pekerja ataupun orang bawahannya melaksanakan aktiviti pemantauan seperti mana yang dijadualkan. Ia penting bagi memastikan kelancaran di sepanjang aktiviti berkenaan serta mendapatkan hasil optimum daripada proses pemantauan tersebut.

Ketiga, pelaporan bercetak. Dalam konteks ini, setiap aktiviti pemantauan yang dijalankan perlu direkodkan dan dilaporkan. Rekod dan laporan tersebut bertujuan untuk proses pemfailan dan pendokumentasian.

Keempat, tindakan dan peranan ketua. Ia merujuk kepada individu yang dilantik sebagai ketua untuk memantau sesuatu gerak kerja atau aktiviti. Ketua terlibat akan bertindak sebagai orang yang memastikan sebarang bentuk aktiviti (pemantauan) yang dirancang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya. Selain perlu mengumpul segala bentuk pelaporan bagi setiap aktiviti pemantauan yang dijalankan.

Berdasarkan empat tatacara di atas jelas bahawa prosedur pemantauan merupakan salah satu aktiviti penting dalam usaha melancarkan operasi pentadbiran dan pengurusan sesebuah organisasi. Kelancaran operasi merupakan suatu titik tolak terpenting bagi memastikan organisasi terus bertahan dan perkhidmatan asas (yang ditawarkan) dapat terus diberikan seterusnya ditambah baik dari masa ke masa.

Kedua: Prosedur Pemantauan Perniagaan Makanan Secara Dalam Talian

Perbincangan seterusnya berfokus kepada prosedur pemantauan khususnya terhadap perniagaan makanan yang dijual secara dalam talian. Prosedur tersebut membabitkan elemen terhadap keselamatan serta kualiti makanan. Dalam konteks Malaysia, kawalan ke atas keselamatan dan kualiti makanan terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (Alia *et al.* 2018). Bukti tersebut merujuk kepada Akta Makanan 1983 yang mana KKM khususnya Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) memainkan peranan penting untuk melindungi masyarakat awam di pelbagai lapisan dan peringkat daripada sebarang bentuk bahaya sama ada terhadap kesihatan, (termasuk) penipuan dalam proses penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan, serta perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya (rantai makanan).

Secara dasarnya, makanan merupakan elemen terpenting yang menjadi asas perbincangan kepada kajian ini. Makanan secara konseptualnya dapat difahami berdasarkan tafsiran di dalam Akta Makanan 1983 iaitu “meliputi setiap barang yang dikilang, dijual atau diberi gambaran untuk digunakan sebagai makanan atau minuman untuk kegunaan manusia atau yang masuk pada atau digunakan dalam campuran, penyediaan, pengawetan apa-apa makanan atau minuman dan meliputi gula-gula, benda-benda kunyahan dan apa-apa ramuan bagi makanan, minuman, gula-gula atau benda-benda kunyahan itu” (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang 2021:7). Ini bermakna makanan yang dijual secara dalam talian ialah merangkumi makanan atau minuman yang dihasilkan untuk kegunaan dan keperluan manusia.

Selain makanan, aktiviti penjualan turut ditanggapi sebagai salah satu elemen utama kajian ini. Berdasarkan Akta Makanan 1983, menjual atau penjualan didefinisikan sebagai “semata-mata kepada penjualan untuk dimakan atau digunakan oleh manusia dan meliputi tukar barang dan tukar ganti, menawarkan atau cuba untuk menjual, menyebabkan atau membenarkan untuk dijual, mendedahkan bagi penjualan, menerima, menghantar, mengirim atau menghantar serah bagi penjualan atau tukar ganti atau menurut penjualan atau tukar ganti itu..”. Akta tersebut turut menyatakan penjualan makanan secara dalam talian berasaskan frasa “...memiliki apa-apa makanan atau perkakas dengan mengetahui bahawa makanan atau perkakas itu mungkin dijual atau ditawarkan atau dipamerkan atau didedahkan bagi penjualan...dan termasuklah penjualan secara elektronik” (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang 2021:7-8). Frasa “penjualan secara elektronik” merupakan suatu asas bahawa produk makanan turut dijual secara dalam talian dan semakin berleluasa terutamanya ketika dunia menghadapi wabak penyakit berjangkit seperti Covid-19.

Selanjutnya, apabila meneliti secara khusus berkenaan prosedur pemantauan terhadap sebarang bentuk kegiatan perniagaan/penjualan produk makanan dalam talian didapati bahawa ia dilaksanakan oleh Juruaudit di Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan yang mana di peringkat negeri diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Kesihatan Negeri. Prosedur pemantauan ini secara dokumentasinya disebut sebagai *Remote Audit* (KKM 2020). Asasnya, prosedur pemantauan tersebut dilaksanakan secara atas talian oleh pihak BKKM dengan para peniaga, pengusaha ataupun pengendali makanan secara dalam talian. Kedua-dua pihak iaitu pihak yang memantau dan pihak dipantau berada di lokasi masing-masing dan hanya bersemuka secara maya.

Tatacara Prosedur Pemantauan

Namun persoalannya ialah apakah prosedur yang diketengahkan oleh pihak BKKM untuk memantau aktiviti berbentuk penjualan produk makanan secara dalam talian? Ini kerana pemantauan secara berterusan wajar dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab bagi memastikan produk makanan yang dijual adalah bersih dan selamat untuk dimakan (bagi menghindari sebarang jenis penyakit khususnya ketika keadaan persekitaran dipenuhi dengan pelbagai jenis bakteria dan virus yang boleh membawa maut). Berdasarkan penelitian mendalam yang dilaksanakan jelas bahawa terdapat dua tahap utama melibatkan prosedur pemantauan tersebut, iaitu tahap pertama dikenali sebagai persediaan awal, dan tahap kedua ialah semasa pelaksanaan pemantauan terhadap para peniaga.

Pertama, dikenali sebagai persediaan awal melibatkan pasukan audit iaitu sebelum melaksanakan prosedur pemantauan ataupun audit secara *remote*. Pada tahap ini, perbincangan diadakan iaitu di antara ketua juruaudit dengan juruaudit. Perbincangan berfokus kepada pendekatan serta media interaksi (yang bersesuaian) untuk mereka menilai setiap elemen termasuk tahap kepatuhan para peniaga menjual produk makanan mereka secara dalam talian.

Selain itu, aliran audit (*audit flow*) iaitu daripada prosedur pertama sehingga terakhir turut dibincangkan dalam kalangan para pegawai berkenaan. Selepas medium untuk pemantauan sudah ditetapkan dan aliran audit jelas, maka tarikh untuk audit pemantauan pula dipilih dan ditentukan berasaskan persetujuan bersama antara kedua-dua pihak terlibat. Dalam masa yang saya agenda audit perlu disediakan oleh juruaudit dan memaklumkan kepada pihak auditee (para peniaga atau pengusaha makanan) melalui emel dan diikuti dengan surat rasmi.

Pada tahap ini juga ketua juruaudit bertanggungjawab akan meletakkan tempoh iaitu bilangan hari (*man-days*) yang diperlukan oleh pihak BKKM untuk melaksanakan audit pemantauan. Tempoh ditetapkan tersebut juga perlu dimaklumkan serta mendapat persetujuan daripada pihak yang akan dipantau.

Selanjutnya ialah prosedur mencuba uji (*trial run*) turut dilaksanakan iaitu dengan menguji sistem media interaksi yang akan digunakan oleh kedua-dua pihak sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh audit yang sebenar dijalankan.

Kedua, semasa prosedur pemantauan. Ia merujuk kepada prosedur bagi menjalankan audit secara *remote* (yang mana prosedur yang terlibat adalah sama seperti prosedur audit secara bersemuka). Antara tatacara terlibat semasa tempoh pemantauan ini ialah:

- (a) Mengadakan mesyuarat pembukaan (*opening meeting*) sama ada secara *video conference with screen share* atau *real time video images* menggunakan aplikasi seperti

Google Meets, Zoom, ataupun Microsoft Teams. Medium tersebut sudah dipilih dan dipersetujui oleh pihak BKKM dengan para peniaga pada tahap pertama lagi.

- (b) Mengemukakan senarai kehadiran sebagai bukti kehadiran pihak yang dipantau/ diaudit. Senarai kehadiran tersebut dikemukakan oleh ketua juruaudit secara emel kepada pihak yang dipantau atau diaudit sebelum mesyuarat pembukaan dan meminta pihak tersebut menandatangani dan mengembalikan semula kepada ketua juruaudit dalam bentuk imbas (scan) pdf atau ketua juruaudit membuat rakaman skrin semasa sidang video.
- (c) Mengadakan lawatan lapangan secara maya bagi meneliti dan memantau keadaan seperti infrastruktur premis, operasi pemprosesan, kemudahan sanitasi, peng storan, dan sebagainya. Lawatan tersebut boleh dilakukan sama ada menggunakan *video conference with share screen, real-time video images obtained with drones*, tablet atau telefon mudah alih, atau kamera video tetap, dan membuat rakaman bagi tujuan mengumpul penemuan audit.
- (d) Menyenaraikan dokumen dan rekod yang akan diperiksa oleh juruaudit dan memaklukkannya kepada pihak auditee. Pihak auditee pula perlu memuat naik dokumen serta rekod berkaitan dalam aplikasi seperti *Google Drive* dan memberi kebenaran keboleh capaian dokumen, rekod dan data yang disimpan ini bagi tempoh masa tertentu kepada Pasukan Juruaudit. Pasukan Juruaudit boleh membuat rakaman skrin dokumen dan rekod (yang dikemukakan) sebagai penemuan audit.
- (e) Menemu duga pihak auditee (para peniaga atau pengusaha makanan) serta perbincangan antara pasukan juruaudit dilakukan melalui persidangan video dengan menggunakan aplikasi seperti *Google Meets, Zoom, ataupun Microsoft Teams*.
- (f) Menyediakan senarai semak dan borang *Corrective Action Request (CAR)* untuk mencatatkan sebarang bentuk penemuan audit dan ketidakpatuhan yang timbul daripada prosedur pemantauan.
- (g) Melaksanakan mesyuarat penutup secara *video conference with share screen* ataupun *real-time video images* menggunakan aplikasi seperti *Google Meets, Zoom, ataupun Microsoft Teams*.
- (h) Ketua Juruaudit perlu memaklumkan kepada juruaudit terhadap sebarang bentuk penemuan audit yang diperolehi berdasarkan kepada borang CAR yang telah dipersetujui oleh pasukan juruaudit. *Screen share* borang CAR boleh dilakukan (jika perlu) berdasarkan permintaan daripada pihak auditee semasa mesyuarat penutup.
- (i) Menandatangani borang CAR oleh ketua juruaudit sekiranya pihak auditee menerima penemuan audit yang dilaksanakan oleh pihak BKKM terhadap mereka. Selepas tandatangan, borang tersebut perlu diimbas dalam bentuk PDF, kemudiannya diemelkan kepada pihak auditee untuk ditandatangani oleh mereka dan dikembalikan semula kepada Ketua Juruaudit dalam tempoh masa satu (1) hari selepas mesyuarat penutup audit dijalankan.

- (j) Laporan audit yang siap dihantar ke Program Keselamatan dan Kualiti Makanan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam prosedur audit sedia ada.

Rangkuman daripada tatacara di atas, jelas bahawa di pihak BKKM tidak terkecuali di Jabatan Kesihatan Negeri Kedah akan membuat persiapan yang cukup rapi sebelum, semasa dan selepas prosedur pemantauan terhadap operasi perniagaan membabitkan para peniaga makanan secara dalam talian. Persiapan tersebut bagi memastikan kelancaran di sepanjang proses pemantauan tersebut, selain mengurangkan sebarang bentuk kesilapan daripada berlaku termasuk dari sudut masalah teknikal. Ini kerana gerak kerja pemantauan dilakukan secara maya dengan membabitkan pelbagai jenis peranti dan alatan komputer. Justeru, penilaian berterusan melibatkan peralatan, sistem rangkaian, serta pendokumentasian begitu penting dilaksanakan oleh kakitangan terlibat.

Asasnya, sebelum prosedur pemantauan, antara perkara yang dititikberatkan ialah perbincangan antara para pegawai yang bertugas sebagai juruaudit. Selain persiapan rinci dari aspek dokumentasi, pelan tindakan serta kefahaman mendalam terhadap tugas dan peranan masing-masing.

Semasa prosedur pemantauan pula, kakitangan BKKM akan mengendalikan sebarang bentuk tindakan bermula daripada mesyuarat pembukaan sehingga kepada pemeriksaan di lapangan secara maya. Ketika tempoh ini, segala persoalan dan perbincangan berterusan akan dilakukan dengan para peniaga, pengusaha ataupun pengendali makanan yang terlibat dengan aktiviti pemantauan.

Selepas prosedur pemantauan dilakukan, kakitangan bertanggungjawab akan mengisi borang berkaitan, melengkapkan laporan serta merumuskan dapatan hasil daripada aktiviti pemantauan berkenaan. Laporan tersebut akan direkodkan sebelum dipanjangkan kepada pihak yang dipantau untuk tujuan penambahbaikan operasi perniagaan mereka di masa akan datang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa perniagaan makanan secara dalam talian ketika ini khususnya semasa tempoh pandemik Covid-19 muncul dengan sangat pesat sekali seumpama cendawan tumbuh selepas hujan. Keadaan ini mendorong pihak kerajaan terutamanya KKM selaku agensi bertanggungjawab memastikan keselamatan dan kualiti makanan dalam kalangan rakyat Malaysia terus dijaga dan dipelihara setiap masa. Untuk itu, KKM membangunkan suatu garis panduan untuk tujuan pemantauan perniagaan sebarang bentuk produk makanan secara dalam talian. Garis panduan yang dibina oleh KKM digunakan di seluruh negara termasuk di Kedah – yang dikendalikan secara khusus oleh JKNK bermula pada tahun 2020.

Selain itu, garis panduan yang dikenali sebagai *remote audit* dibangunkan selaras dengan Akta Makanan 1983. Ia merujuk kepada Akta 281 yang memperuntukkan bahawa perlu ada suatu akta yang berfungsi untuk melindungi orang ramai (terkhas di Malaysia) terhadap segala bentuk bahaya melibatkan kesihatan dan penipuan berkenaan penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan, serta perkara-perkara bersampingan atau berkaitan dengannya. Ini bermakna, garis panduan pemantauan terhadap perniagaan makanan secara dalam talian terangkum dalam Akta 281 – yang mana setiap peniaga, pengusaha, mahupun pengendali makanan tertakluk di bawah akta berkenaan dan mereka perlu bertanggungjawab untuk menyediakan produk makanan yang selamat, sihat dan bersih dari sudut kualitinya.

Makanan yang selamat, sihat dan bersih juga merupakan suatu tuntutan dari sudut agama terutamanya agama Islam. Islam sebagai sebuah agama (yang merupakan agama rasmi Malaysia) begitu menitikberatkan makanan *halalan tayyiban* dari sudut penyediaan, pengambilan, termasuk penjualannya kepada orang ramai. Kenapa halal? Asasnya ia merupakan suatu tuntutan syariat kepada seluruh umat manusia sebagaimana peringatan daripada Allah Ta'ala dalam *Surah al-Baqarah* ayat 168 yang bermaksud “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu musuh yang terang nyata bagi kamu”.

Penghargaan

Ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan khusus kepada penaja penyelidikan ini iaitu Pusat Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) UUM dan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) UUM di atas peluang penyelidikan bertajuk “Keberkesanan Prosedur Operasi Standard Pemantauan (POSP) Perniagaan Makanan Secara Dalam Talian Semasa dan Selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)”, Kod SO 14789.

Rujukan

- Aliya Marnina Amirudin, Sabrina Mohd Hashim, Cheng Mun Kid, Siti Nur Ahmad Kamaruddin & Atirah Kamaruddin. (2018). *Fundamentals of Food and Beverage Operations*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM). (2019). *Garis Panduan Permohonan Pendaftaran MyFood Tag*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Chafid Fandeli, Retno Nur Utami & Sofiudin Nurmansyah. (2017). *Audit Lingkungan*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Corder, A. (1992). *Teknik Manajemen Pemeliharaan*. Jakarta: Erlangga.
- Davis, B., Andrew, L., Peter, A., Ioannis, S. P. (2018). *Food and Beverage Management*. United Kingdom: Taylor & Francis.
- Devi Pratami, Lisa Octaviana & Imam Haryono. (2015). Perancangan Dokumen Audit Manajemen Proyek dengan Menggunakan 10 Knowledge Area PMBOK Edisi 5. Kertas Kerja *Proceeding Seminar Sistem Produksi XI*, 2015, 1-16.
- Faiz Zamzani, Ihda Arifin Faiz & Mukhlis. (2018). *Audit Internal: Konsep dan Praktik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Fatimah, Endah Nur. (2015). *Strategi Pintar Menyusun SOP*. Yogyakarta: Pustaka Baru Press.
- Gasperz, Vincent. (2012). *Three in One, ISO 14001, ISO 14000, OHSAS 18001*. Jakarta: Vinchristo Publication.
- Jordan Gultom, Sri Widaningrum & Wiyono Wiyono. (2020). Perancangan ulang SOP pemantauan dan evaluasi pemeliharaan lingkungan Universitas Telkom berdasarkan ISO 14001:2015 Klausul 9.1 menggunakan metode Business Process Improvement. *E-Proceeding of Engineering*, Vol. 7, No. 2, Ogos 2020, 6215-6224.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). *Remote Audit*. Capaian di <http://fsq.moh.gov.my/v6/>.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2021). *Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Mercy, C. (2005). *Design, Monitoring and Evaluation Guidebook*. Portland, USA: Mercy Corps.
- Mohd Zaid Daud, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Nurzahidah Hj. Jaafar & Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah. (2017). Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal Terhadap Produk Makanan Import oleh JAKIM. *Prosiding 2nd International Islamic Heritage Conference 2017 (ISHEC 2017)*, 527-545.

- Muhammad Fahmi & Muhammad Ridho Syahputra. (2019). Peranan Audit Internal Dalam Pencegahan (Fraud). *Liabilities Jurnal Pendidikan Akuntansi*, 2, (1), 24-36.
- Page, S. (2010). *The Power of Business Process Improvement*. 2nd Ed. New York: American Management Association.
- Rini Anggrainingsih. (2011). Analisa dan Perancangan Sistem Informasi Pengendalian Dokumen untuk Sistem Manajemen Mutu Standar ISO 9001. *Prosiding Seminar Nasional Teknologi Informasi & Komunikasi Terapan 2011 (Semantik 2011)*, 1-8.
- Rossidi Usop, Siti Fariha Muhamad & Fakhru Anwar Zainol. (2017). “Analisis Etika Perniagaan Islam: Kajian Kes Usahawan Melayu Terengganu Dalam Industri Makanan Halal”. *The 12th ISDEV International Islamic Development Management Conference 2017 (IDMAC 2017)*, 2-13.
- Siti Haniyah Binti Rohmad @ Rahmad. (2015). “Garis Panduan dan Etika E-Dagangan Bagi Produk Fizikal Menurut Perspektif Syariah”. *Tesis Sarjana Falsafah (Sains Halal)*, Fakulti Pengajian Islam Universiti Teknologi Malaysia.
- Suzanna Azmieyda Mamat & Mohd Zainudin Othman. (2016). “Etika Peniaga Atas Talian Dari Perspektif Pelajar di Universiti Utara Malaysia, Sintok”, <https://stmlportal.net/stmlgogreen2016/pdf/p187.pdf>.
- United Nations. (2022). Sustainable Development Goals (Goal 3: Ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages). Capaian di <https://www.un.org/development/desa/disabilities/envision2030-goal3.html>
- Wardah Muharriyanti Siregar. (2019). *Pengaruh Pengetahuan Audit, Kompleksitas Dokumen Audit, dan Pengalaman Auditor Terhadap Audit Judgement pada Kantor Inspektorat Kabupaten Aceh Barat*. Sulawesi: Unimal Press.
- Widyaningsih, Hastuti & Mulyaningsih, Titiek. (2021). Model Konseptual Persepsi Manajemen Terhadap Komunikasi Auditor Internal Pada Tahap Pemantauan Tindak Lanjut. *Prima Ekonomika*, 12, (1), 47-60.